

Kenyataan Tender Bil. 36/2025

Datuk Bandar Kuala Lumpur mempelawa kontraktor/pembekal yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dalam Kod Bidang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi kerja berikut:-

BIL. TENDER	BUTIR-BUTIR TENDER DAN HARGA DOKUMEN	KELAYAKAN PETENDER	TARIKH TENDER DIBUKA, TAKLIMAT TAPAK DAN TENDER DITUTUP
2025/A214	Perkhidmatan Penyediaan Peralatan Dan Perkakasan Sistem Tempat Letak Kereta Tanpa Tunai Touch N Go, Kad Debit Dan Kad Kredit Secara Sewaan Serta Menjalankan Perkhidmatan Pembersihan Dan Kawalan Keselamatan Di Tempat Letak Kereta Bertingkat Taman Segar, Cheras Kuala Lumpur Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun Harga Dokumen: RM400.00	Bumiputera Berdaftar Dengan KKM Kod Bidang 221510	<u>Tarikh Tender Dibuka</u> 5 Disember 2025 (Jumaat) <u>Tarikh Tender Ditutup</u> 24 Disember 2025 (Rabu)
2025/A215	Membekal Dan Menghantar Alatganti Tulen Kenderaan Jenama UD Trucks Dan Nissan (Lori) Ke Stor Pusat Jabatan Kejuruteraan Mekanikal Dan Elektrikal Untuk Tempoh Tiga (3) Tahun Harga Dokumen: RM400.00	Bumiputera Berdaftar Dengan KKM Kod Bidang 110301 Dan 110304	<u>Tarikh Tender Dibuka</u> 5 Disember 2025 (Jumaat) <u>Tarikh Tender Ditutup</u> 24 Disember 2025 (Rabu)
2025/A216	Membekal Dan Menghantar Peralatan Kuda Untuk Kegunaan Unit Berkuda Jabatan Penguatkuasaan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Untuk Tempoh Dua (2) Tahun Harga Dokumen: RM400.00	Bumiputera Berdaftar Dengan KKM Kod Bidang 020802 Dan 030501 Dan 070303	<u>Tarikh Tender Dibuka</u> 5 Disember 2025 (Jumaat) <u>Tarikh Tender Ditutup</u> 24 Disember 2025 (Rabu)

1. Bagi pembelian dokumen tender, petender atau wakil hendaklah mendaftar terlebih dahulu **secara atas talian** di laman sesawang eperolehan.dbkl.gov.my. Petender hendaklah memastikan sijil yang didaftarkan di **e-perolehan DBKL** masih berkuatkuasa semasa memohon tawaran. Penjualan dokumen tender dijalankan **secara atas talian** sahaja.
2. Pendaftaran kontraktor **secara atas talian** perlu disahkan terlebih dahulu di dalam portal rasmi eperolehan.dbkl.gov.my
3. Berkuatkuasa serta – merta keperluan Sijil Pematuhan Cukai (**Tax Compliance Certificate - TCC**) yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) berstatus 'PATUH' adalah dokumen wajib untuk dipatuhi oleh setiap kontraktor
4. **Kebenaran Khas Tidak Dibenarkan**
5. Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang dimeterikan dan ditulis di sebelah atas kiri sampul Nombor Tender dan tajuk kerja berkaitan dan dimasukkan ke dalam Peti Tender tersebut di **Jabatan Pentadbiran, Bahagian Pengurusan Perolehan, Tingkat 32, Menara DBKL 3, Bandar Wawasan, Jalan Raja Abdullah, 50300 Kuala Lumpur** tidak lewat dari **jam 12.00 tengahari** pada tarikh tutup. Tawaran yang **LEWAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN** sama sekali.
6. Datuk Bandar Kuala Lumpur tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana tawaran juapun.
7. Untuk keterangan lanjut sila layari portal rasmi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (www.dbkl.gov.my) dan laman sesawang eperolehan DBKL (eperolehan.dbkl.gov.my).

DATUK BANDAR KUALA LUMPUR

Tarikh Iklan : 5 Disember 2025 (Jumaat)

Laman Sesawang : www.dbkl.gov.my dan eperolehan.dbkl.gov.my